

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG DIKEMASKINI Program Moratorium Automatik COVID-19 CIMB untuk Produk Runcit

Terma-terma & Syarat-syarat Program Moratorium Automatik COVID-19 CIMB untuk Produk Runcit ini telah disemak semula bagi pembetulan terminologi untuk Pembiayaan Auto Kadar Boleh Ubah (Konvensional dan Islamik) dari faedah/keuntungan kepada caj-caj terma dan selanjutnya memberi penerangan berkenaan caj-caj tersebut.

1. **Program Moratorium Automatik COVID-19 CIMB untuk Produk Runcit ("Moratorium")** adalah dianjurkan secara bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] ("**CIMB Islamic**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**CIMB**") dan akan berlangsung dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Moratorium**").
2. Moratorium ini dianjurkan oleh CIMB bersempena dengan pelaksanaan Bank Negara Malaysia ("**BNM**") langkah-langkah tambahan untuk membantu peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan disebabkan oleh wabak COVID-19 dengan memberi moratorium atau pelepasan automatik dari pembayaran bulanan mereka selama enam (6) bulan untuk pinjaman/pembiayaan.

Kriteria Kelayakan

3. Moratorium terbuka kepada semua pelanggan individu yang mempunyai mana-mana Produk Penyertaan (yang ditakrifkan dalam Klausa 18) dengan CIMB Bank atau CIMB Islamic ("**Pelanggan CIMB**") dan yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:
 - (i) Produk Penyertaan tidak ada tunggakan lebih daripada sembilan puluh (90) hari pada 1 April 2020; atau
 - (ii) Produk Penyertaan sekarang di bawah program Penstrukturan dan Penjadualan Semula dengan CIMB atau Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit ("**AKPK**") tetapi tidak ada tunggakan lebih daripada sembilan puluh (90) hari pada 1 April 2020.

Kriteria kelayakan di atas secara kolektif dirujuk sebagai "**Kriteria Kelayakan**". Pelanggan CIMB yang memenuhi Kriteria Kelayakan layak untuk menyertai Moratorium ("**Pelanggan Layak**").

Mekanik Penyertaan & Pilihan Pilih Keluar (*Opt-Out*)

4. Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh CIMB melalui mesej khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") di nombor telefon mudah alih Pelanggan Layak dalam rekod CIMB bahawa dia telah didaftarkan secara automatik untuk Moratorium.
5. Sekiranya Pelanggan Layak mempunyai lebih daripada satu Produk Penyertaan dengan CIMB dan salah satu Produk Penyertaan tidak memenuhi Kriteria Kelayakan, dia masih boleh menerima SMS daripada CIMB tetapi Moratorium hanya akan disediakan untuk Produk Penyertaan yang memenuhi Kriteria Kelayakan.

6. Sekiranya Pelanggan Layak tidak mahu menyertai Moratorium ("**Pilih Keluar**"), dia mesti menghantar SMS ke **62666** dalam format SMS berikut dengan butir-butir yang betul ("**SMS Pilih Keluar**") pada atau sebelum 11.59 pm pada 7 April 2020 (sebarang caj SMS akan ditanggung oleh Pelanggan Layak):

OPTOUT<ruang>4 angka terakhir No.Kad Pengenalan Malaysia/No.Pasport<ruang>Nombor Akaun Pinjaman /Pembiayaan Penuh

7. Bagi Pelanggan Layak yang memegang Produk Penyertaan sebagai pemegang akaun bersama, mana-mana pemegang akaun bersama boleh melaksanakan Pilih Keluar.
8. Sekiranya Pelanggan Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Produk Penyertaan dan ingin melaksanakan Pilih Keluar, dia mesti Pilih Keluar mengikut Klausa 6 di atas dan menghantar SMS untuk **setiap** Produk Penyertaan. Pelanggan Layak dengan Produk Penyertaan yang pada ketika ini masih di bawah AKPK, haruslah menghubungi AKPK terus untuk Pilih Keluar.
9. Jika Pelanggan Layak tidak Pilih Keluar pada atau sebelum 7 April 2020, Pelanggan Layak masih boleh berbuat demikian pada bila-bila masa sehingga 24 Ogos 2020 dengan mengikut Klausa 6 di atas, dan membuat bayaran untuk pinjaman/pembiayaan mereka pada bulan berikutnya sebelum atau pada tarikh matang pembayaran.
10. Empat angka terakhir No. Kad Pengenalan Malaysia/No. Pasport dan nombor akaun pinjaman/pembiayaan penuh ("**Maklumat Peribadi**") yang dikemukakan oleh Pelanggan Layak kepada CIMB dalam SMS Pilih Keluar akan disahkan daripada rekod Pelanggan Layak CIMB. Sekiranya Maklumat Peribadi tidak sepadan dengan rekod CIMB, CIMB akan memaklumkan Pelanggan Layak melalui SMS bahawa SMS Pilih Keluarnya tidak sah dan untuk mengemukakan SMS Pilih Keluar yang lain.
11. CIMB juga akan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui SMS sama ada permintaan Pilih Keluar berjaya atau tidak dan akan mengikut jadual di bawah:

Jika SMS Pilih Keluar dihantar semasa Tempoh ini	Notifikasi CIMB untuk Pilih Keluar yang tidak berjaya	SMS CIMB untuk Pilih Keluar yang Berjaya kepada Pelanggan Layak
31 Mac 2020 – 7 April 2020	9 April 2020	13 April 2020
8 April 2020 – 24 Ogos 2020	T+1 hari bekerja*	T+7 hari bekerja*

*T = Tarikh SMS dihantar oleh Pelanggan Layak

12. Apa-apa balas/pemberitahuan SMS oleh CIMB berikutan penerimaan SMS Pilih Keluar oleh Pelanggan Layak akan dihantar ke nombor telefon mudah alih yang sama yang digunakan oleh Pelanggan Layak untuk menghantar SMS Pilih Keluar.
13. Bagi mengelakkan keraguan, sehingga dan melainkan Pelanggan Layak menerima SMS pengesahan CIMB bagi Pilih Keluar yang berjaya, Pelanggan Layak masih berdaftar untuk Moratorium dan oleh itu tidak ada pembayaran balik/pembayaran untuk Produk Penyertaan diperlukan.

14. Sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Klausa 6 di atas untuk Pilih Keluar, dan terus membuat pembayaran balik/pembayaran bulanan untuk Produk Penyertaan, pembayaran balik/pembayaran bulanan tersebut akan dianggap sebagai bayaran awal.
15. Setelah berjaya Pilih Keluar, Pelanggan Layak hendaklah membuat pembayaran balik/pembayarannya untuk Produk Penyertaan bermula dari tarikh yang dinyatakan di bawah tetapi dalam apa jua juga keadaan hendaklah pada atau sebelum tarikh perlu dibayar pembayaran balik/pembayaran Produk Penyertaan yang sedia ada:

Tarikh SMS Pilih Keluar yang Berjaya kepada CIMB	Tempoh Pelanggan Layak Dikehendaki Membuat Pembayaran Balik/Pembayaran Seterusnya
31 Mac 2020 – 7 April 2020	1 April 2020 dan selepasnya
8 April 2020 – 24 April 2020	1 Mei 2020 dan selepasnya
25 April 2020 – 24 Mei 2020	1 Jun 2020 dan selepasnya
25 Mei 2020 – 24 Jun 2020	1 Julai 2020 dan selepasnya
25 Jun 2020 – 24 Julai 2020	1 Ogos 2020 dan selepasnya
25 Julai 2020 – 24 Ogos 2020	1 September 2020 dan selepasnya

16. Pelanggan Layak yang tidak melaksanakan Pilih Keluar adalah dirujuk sebagai "**Pelanggan Penyertaan**".
17. Pelanggan Penyertaan akan didaftarkan secara automatik ke dalam Moratorium dan menikmati moratorium atau pelepasan automatik dari pembayaran bulanan/pembayaran bulanan mereka untuk pinjaman/pembiayaan mereka tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

Mekanik Moratorium

18. Terdapat empat (4) Produk Penyertaan dalam Moratorium seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Produk Penyertaan	Jenis Pakej
Pembiayaan Amanah Saham Bumiputera (ASB)	Konvensional: Pembiayaan ASB
	Islamik: Pembiayaan Bertempoh-i yang Dijamin oleh Sijil ASB
Pembiayaan Hartanah	Konvensional: Kadar Tetap & Kadar Boleh Ubah
	Islamik: Kadar Tetap & Kadar Boleh Ubah
Pembiayaan Auto	Konvensional : Kadar Boleh Ubah
	Islamik : Kadar Boleh Ubah
Pinjaman/Pembiayaan Peribadi	Konvensional : Pinjaman Peribadi Cash Plus
	Konvensional : Pinjaman Peribadi Xpress Cash
	Islamik : Pembiayaan Xpress Cash-i
	Islamik : Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i
	Islamik : Pembiayaan Peribadi Cash Plus-i

Setiap produk penyertaan adalah dirujuk sebagai "**Produk Penyertaan**" dan secara kolektif "**Produk-produk Penyertaan**".

19. Pelanggan Layak boleh melaksanakan Moratorium untuk semua Produk Penyertaan yang mereka miliki, dengan syarat setiap Produk Penyertaan memenuhi Kriteria Kelayakan dalam Klausa 3 di atas.
20. Apabila tamatnya Tempoh Moratorium, Pelanggan Penyertaan hendaklah meneruskan pembayaran balik/pembayaran Produk Penyertaan mereka berkuatkuasa 1 Oktober 2020.

Layanan Faedah/Keuntungan di bawah Moratorium

21. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan semua Pelanggan Penyertaan, CIMB tidak akan mengkompaun sebarang faedah/keuntungan yang terakru untuk semua Produk Penyertaan dalam Tempoh Moratorium. Untuk mengelakkan keraguan, faedah/keuntungan masih akan dikenakan semasa Tempoh Moratorium dan pembayaran faedah/keuntungan terakru mesti dibuat selepas Tempoh Moratorium.
22. Selepas Tempoh Moratorium, tempoh dan ansuran bulanan bagi Produk Penyertaan mungkin berubah, bergantung kepada tingkah laku semasa akaun dan seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

Produk-produk Penyertaan	Tingkah Laku Semasa Akaun	Pelanjutan Tempoh ¹	Ansuran selepas Tempoh Moratorium
<u>Pembiayaan Auto Kadar Boleh Ubah</u> (Konvensional & Islamik)²	Tingkah laku yang baik dengan pembayaran terkini	6 bulan	Kekal tidak berubah. Walau bagaimanapun, pembayaran sekaligus (<i>bullet payment/lump sum payment</i>) pada penghujung tempoh mungkin terpakai. Sila rujuk contoh dalam <i>Nota</i> di bawah.
	Tunggakan bayaran kurang daripada 30 hari	6 bulan	
	Tunggakan bayaran 30-59 hari	7 bulan	
	Tunggakan bayaran 60-89 hari	8 bulan	
	Tunggakan bayaran bagi hari ke-90	9 bulan	
<u>Pembiayaan ASB dan Pembiayaan Hartanah Kadar Tetap dan Kadar Boleh Ubah³</u> (Konvensional & Islamik)⁴	Tingkah laku yang baik dengan pembayaran terkini atau tunggakan bayaran sehingga 90 hari	Sehingga 9 bulan	Untuk pinjaman/ pembiayaan hartanah di bawah pelepasan progresif ⁵ , sila rujuk <i>Nota</i> di bawah.

Produk-produk Penyertaan	Tingkah Laku Semasa Akaun	Pelanjutan Tempoh ¹	Ansuran selepas Tempoh Moratorium
Pinjaman Peribadi (Konvensional)⁴ Pinjaman Peribadi Cash Plus Pinjaman Peribadi Xpress Cash	Tingkah laku yang baik dengan pembayaran terkini atau tunggakan bayaran sehingga 90 hari	Sehingga 9 bulan	Kekal tidak berubah. Walau bagaimanapun, pembayaran sekaligus (<i>bullet payment/lump sum payment</i>) pada penghujung tempoh mungkin terpakai.
Pembiayaan Peribadi (Islamik)⁴ Pembiayaan Xpress Cash-i Pembiayaan Cash Plus-i Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i	Tingkah laku yang baik dengan pembayaran terkini	6 bulan	Kekal tidak berubah.
	Tunggakan bayaran kurang daripada 30 hari	6 bulan	
	Tunggakan bayaran 30-59 hari	7 bulan	
	Tunggakan bayaran 60-89 hari	8 bulan	
	Tunggakan bayaran bagi hari ke-90	9 bulan	

Nota:

¹ Pelanjutan tempoh maksimum berbeza untuk Produk-produk Penyertaan, dan tidak boleh melebihi yang berikut:

Pembiayaan Auto Kadar Boleh Ubah (Konvensional & Islamik) - 9 tahun dan 6 bulan

Pembiayaan ASB dan Pembiayaan Hartanah (Konvensional & Islamik) - 35 tahun dan 6 bulan

² Pembiayaan Auto Kadar Boleh Ubah (Konvensional & Islamik)

Caj-caj terma akan terus terakru sepanjang Tempoh Moratorium dan akan dibayar semasa pembayaran penyelesaian penuh akaun Pembiayaan Auto, yang mana jumlah tersebut tidak melebihi jumlah caj-caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa beli setiap Pelanggan Penyertaan.

Contoh 1

6 bulan lanjutan moratorium diberikan untuk tingkah laku baik dengan pembayaran terkini

Tempoh pembiayaan asal @ 96 bulan + 6 bulan lanjutan = 102 bulan.

Pembayaran sekaligus (bullet payment) adalah tidak terpakai.



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

Contoh 2

Pelanjutan diberikan jika tunggakan bayaran pada hari ke-90 @ 1 April 2020

Tempoh pembiayaan asal @ 108 bulan. Pelanjutan maksimum di bawah moratorium hanya 6 bulan sahaja.

108 bulan + pelanjutan 6 bulan = 114 bulan.

Hakikatnya, bagi akaun-akaun tersebut dengan tunggakan bayaran selama 90 hari yang lalu, pelanjutan itu adalah 9 bulan. Tetapi, memandangkan pelanjutan moratorium tidak boleh melebihi 6 bulan, satu pembayaran sekaligus (one lump sum payment) mungkin terpakai pada penghujung tempoh (terdiri daripada ansuran 3 bulan terakhir).

Ambil perhatian bahawa bagi Pembiayaan Auto Kadar Boleh Ubah, tunggakan pembayaran sedia ada selama 90 hari akan diambil kira untuk pengiraan semula ansuran bulanan pada semakan Kadar Pinjaman Asas/Kadar Pembiayaan Asas yang seterusnya. Bayaran sekaligus (lump sum payment) mungkin terpakai pada penghujung tempoh.

³ Contoh Pembiayaan ASB dan Pembiayaan Hartanah (Konvensional & Islamik)

Contoh 1

Pelanjutan moratorium 6 bulan diberikan untuk tingkah laku yang baik dengan pembayaran terkini atau tunggakan bayaran sehingga 90 hari

Tempoh pembiayaan asal @ 35 tahun + pelanjutan 6 bulan = 35 tahun dan 6 bulan.

Contoh 2

Pelanjutan moratorium 9 bulan diberikan untuk tingkah laku yang baik dengan pembayaran terkini atau tunggakan bayaran sehingga 90 hari

Tempoh pembiayaan asal @ 20 tahun + pelanjutan 9 bulan = 20 tahun dan 9 bulan.

Bagi pinjaman/pembiayaan kadar boleh ubah, tunggakan pembayaran sedia ada selama 90 hari akan diambil kira untuk pengiraan semula ansuran bulanan pada semakan Kadar Asas/Kadar Pinjaman Asas/Kadar Pembiayaan Asas yang seterusnya. Bayaran sekaligus (lump sum payment) mungkin terpakai pada penghujung tempoh.

⁴ Pembiayaan ASB (Konvensional & Islamik), Pembiayaan Hartanah (Konvensional and Islamik) dan Pembiayaan Peribadi (Konvensional & Islamik)

Faedah/keuntungan akan terus terakru semasa Tempoh Moratorium. Setelah selesai Tempoh Moratorium pada 1 Oktober 2020, beberapa bayaran ansuran bulanan pertama akan diperuntukkan untuk bahagian faedah/keuntungan hanya sehingga faedah/keuntungan terakru telah dibayar sepenuhnya.

⁵ Pembiayaan Hartanah (Konvensional & Islamik) di bawah pelepasan progresif

Faedah/Keuntungan semasa Tempoh Moratorium akan terus terakru, dan faedah/keuntungan terakru mesti dibayar sepenuhnya sebelum pinjaman/pembiayaan dikeluarkan sepenuhnya. Jika tidak, ansuran bulanan yang dibayar (apabila ansuran bermula) akan diperuntukkan untuk faedah/keuntungan terakru sehingga faedah/keuntungan terakru dibayar sepenuhnya.



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

23. Jika Pelanggan Layak memilih untuk Pilih Keluar dari Moratorium pada bila-bila masa semasa Tempoh Moratorium, Pelanggan Layak tidak berhak untuk Moratorium sama sekali dan mesti membuat pembayaran balik/pembayaran segera untuk Produk Penyertaan yang telah Pilih Keluar untuk bulan/tempoh Moratorium yang telah diberikan. Tempoh Produk Penyertaan akan kembali kepada tempoh asal.

Pelbagai

24. Fi dan caj akan dikenakan ke atas Produk Penyertaan semasa Tempoh Moratorium dan Pelanggan Penyertaan bertanggungjawab untuk memastikan penyelesaian fi bulanan dan caj tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada fi bulanan untuk Pinjaman Flexi, insuran kebakaran untuk pembiayaan hartanah, dan lain-lain.
25. Bagi pinjaman/pembiayaan dengan Pindahan Dana Automatik ("AFT")/auto debit dari akaun semasa/simpanan CIMB, pembayaran balik/pembayaran akan dihentikan secara automatik sehingga 1 Oktober 2020.
26. Bagi pinjaman/pembiayaan dengan Transaksi Berjadual ("ST") daripada CIMB Clicks ("Clicks"), Pelanggan Penyertaan mesti log masuk ke Clicks untuk menghentikan ST dengan sendirinya.
27. Untuk pinjaman/pembiayaan dengan Arahan Tetap ("SI") dengan institusi kewangan lain ("FI") atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") atau institusi lain, Pelanggan Penyertaan hendaklah memberi arahan kepada FI masing-masing atau KWSP atau institusi lain untuk menghentikan SI semasa Tempoh Moratorium.
28. Bagi pinjaman/pembiayaan dengan potongan gaji (selain daripada Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i) oleh majikan Pelanggan Penyertaan, Pelanggan Penyertaan hendaklah memberi arahan kepada majikan masing-masing untuk menghentikan potongan gaji semasa Tempoh Moratorium.
29. Bagi Pelanggan Penyertaan yang mempunyai Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i, potongan gaji akan diteruskan semasa Tempoh Moratorium. CIMB kemudiannya akan mengkreditkan hasil daripada potongan gaji tersebut ke dalam akaun semasa/simpanan Pelanggan Penyertaan yang dikekalkan dengan CIMB. Sekiranya Pelanggan Penyertaan tidak mempunyai akaun semasa/simpanan dengan CIMB, Pelanggan Penyertaan boleh melayari laman web CIMB di www.cimb.com.my bagi mendapatkan arahan mengenai pemindahan hasil potongan gaji ke dalam akaun semasa/simpanan Pelanggan Penyertaan yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain. Sebarang caj yang dikenakan untuk pemindahan tersebut akan ditolak daripada hasil potongan gaji.
30. Jika atas apa-apa sebab pembayaran balik/pembayaran dilakukan sebelum 10 April 2020 untuk mana-mana Produk Penyertaan akibat daripada AFT/ST/SI/arahan kepada majikan tidak dihentikan, pembayaran balik/pembayaran sedemikian hendaklah dianggap sebagai ansuran bulanan biasa untuk Produk Penyertaan.



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

31. Walaupun Pelanggan Penyertaan menyertai Moratorium, kesemua hak CIMB Bank dan CIMB Islamic menurut terma-terma dan syarat-syarat Produk Penyertaan tetap utuh dan boleh dikuatkuasakan.

Terma-terma dan Syarat-syarat Am

32. Pelanggan Penyertaan bersetuju bahawa dengan menyertai Moratorium, mereka:
- a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan perjanjian mereka kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
 - b) bersetuju untuk CIMB memproses dan mendedahkan data peribadi mereka mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Moratorium, termasuk Kriteria Kelayakan dan Produk Penyertaan adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian tanggungjawabnya dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa perbuatan Tuhan (*act of God*) di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor dalam keadaan *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
33. Pelanggan Penyertaan akan hilang kelayakan untuk menyertai Moratorium semasa Tempoh Moratorium dan/atau sebelum Tempoh Moratorium jika:
- a) Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Produk Penyertaan kecuali gagal untuk pembayaran balik dalam tempoh tidak melebihi sembilan puluh (90) hari;
 - b) Produk Penyertaan ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa lampiran, perintah-perintah bertentangan (*adverse order*) yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
 - c) Produk Penyertaan adalah delinkuen (kecuali pembayaran balik/pembayaran yang tidak melebihi sembilan puluh (90) hari), tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Penyertaan atau CIMB Bank/CIMB Islamic.
34. CIMB mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Penyertaan yang ditentukan sebagai:
- a) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
 - b) bertindak melanggar Terma-terma dan Syarat-syarat ini.



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

35. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan atau mana-mana pihak untuk sebarang kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas) yang akibat daripada:
- a) Penyertaan atau bukan penyertaan Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan dalam Moratorium; dan/atau
 - b) Tidak menerima atau lambat menerima SMS oleh Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan.
36. Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan mesti memastikan nombor telefon mereka dalam rekod CIMB adalah terkini dan dikemaskini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan untuk apa-apa kerugian yang timbul daripadanya, dialami atau ditanggung sekiranya nombor telefon mudah alih yang dikekalkan dalam rekod CIMB bukan terkini atau tidak betul.
37. a) CIMB mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini ("Pindaan") dengan memberi notis terdahulu kepada Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan itu hendaklah dianggap mengikat Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
- c) Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Moratorium dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
38. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan untuk sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
39. Terma-terma dan Syarat-syarat ini:
- a) akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Moratorium itu; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Produk Penyertaan yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Sekiranya terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengatasi setakat percanggahan/ketidakselarasan tersebut.



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

40. Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan Produk Penyertaan hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis yang dikeluarkan oleh BNM atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
41. a) Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") untuk sebarang maklumbalas dan/atau aduan berhubung dengan Moratorium melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:
- Alamat: Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur,
50710 Wilayah Persekutuan
- No Telefon: +603 6204 7788
- E-mel: cru@cimb.com
- b) CIMB boleh menukar maklumat hubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan Layak/Pelanggan Penyertaan melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.